



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN
AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127]

P.U. (A) 488/2000
PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (KAWALAN PELEPASAN DARIPADA
ENJIN DIESEL) (PINDAAN) 2000

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :

28 Disember 2000

Tarikh mula berkuatkuasa :

28 Disember 2000

SUSUNAN PERATURAN

[Mukadimah](#)

Peraturan 1. [Nama dan permulaan kuat kuasa](#)

Peraturan 2. [Pindaan peraturan 2](#)

Peraturan 3. [Pindaan peraturan 11](#)

Peraturan 4. [Pindaan peraturan 12](#)

Peraturan 5. [Pindaan Jadual Keenam](#)

Peraturan 6. [Pindaan Jadual Ketujuh](#)

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 21, 45 dan 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127], Menteri, selepas berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Peraturan 1. Nama dan permulaan kuat kuasa

(1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) (Pindaan) 2000**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 28 Disember 2000.

Peraturan 2. Pindaan peraturan 2

Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 [P.U. (A) 429/96], yang dalam Peraturan-Peraturan ini dirujuk sebagai "Peraturan-Peraturan ibu" dipinda dalam peraturan 2 dengan menggantikan takrif "meter asap" dengan takrif yang berikut:

"meter asap" ertinya suatu peranti yang dibina untuk menerima suatu isi padu gas ekzos daripada suatu kenderaan motor dalam julat tekanan dan suhu yang ditentukan-

(a) untuk menyukat ketumpatan atau kekaburan kandungan asapnya dari 0 hingga 100 unit asap Hartridge ("HSU") atau dalam unit asap setara yang lain atau dalam peratusan ("%") atau unit lain; atau

(b) untuk menyukat julat lengkap ketumpatan atau kekaburan kandungan asapnya dalam Unit Mutlak Serapan Cahaya daripada terang kepada gelap sepenuhnya atau dalam unit serapan cahaya setara yang lain atau dalam peratusan ("%") atau unit lain;'

Peraturan 3. Pindaan peraturan 11

Peraturan 11 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam subperaturan (1) dengan menggantikan perkataan "unit asap yang setara" dengan perkataan "dalam unit asap setara yang lain atau dalam peratusan ("%") atau unit lain".

Peraturan 4. Pindaan peraturan 12

Peraturan 12 Peraturan-Peraturan ibu dipinda-

(a) dalam perenggan (1)(a) dengan menggantikan perkataan "unit asap yang setara; dan" dengan perkataan "dalam unit asap setara yang lain atau dalam peratusan ("%") atau unit lain; atau"; dan

(b) dalam subperaturan (2) dengan menggantikan perkataan "60 HSU atau unit asap yang setara" dengan perkataan "50 HSU atau dalam unit asap setara yang lain atau dalam peratusan ("%") atau unit lain".

Peraturan 5. Pindaan Jadual Keenam

Jadual Keenam Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong perkataan "HSU" di mana-mana jua terdapat.

Peraturan 6. Pindaan Jadual Ketujuh

Jadual Ketujuh Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong perkataan "HSU" di mana-mana jua terdapat.

Dibuat 20 Disember 2000.

[AS(S) 91/110/919/025; PN(PU²)280/7]

DATO LAW HIENG DING

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

Copyrights Reserved □

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY
LAWNET
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD